

Penyelidik Uniten dapat pengiktirafan

PENSYARAH Kanan dan Pengarah Institut Infrastruktur Tenaga, Universiti Tenaga Nasional (Uniten), Profesor Madya Dr. Rohayu Che Omar baru-baru ini berjaya memenangi tempat kedua pada *The Royal Academy of Engineering's Leaders in Innovation Fellowships* peringkat akhir sesi 2017/18 yang ditaja oleh Newton-Ungku Omar Fund.

Program tersebut dianjurkan bersama Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) dan *Royal Academy of Engineering*.

Program yang diadakan di London, United Kingdom pada Disember lalu itu melibatkan 15 penyelidik dari Malaysia iaitu empat penyelidik dari Uniten dan Universiti Malaya (tiga orang), Universiti Teknologi Malaysia (tiga orang) dan masing-masing seorang penyelidik dari Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Petronas, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Universiti Utara Malaysia.

Selain penyelidik Malaysia, program iturut melibatkan penyelidik Mexico dan Vietnam.

Penyelidik terlibat dipilih berdasarkan kriteria tertentu dan salah satu daripada kriteria pemilihan penting adalah memiliki produk inovasi yang berimpak tinggi serta berpotensi untuk dikomersialkan.

Wakil dari Uniten adalah Dr. Jaspaljeet Singh A/L Ranjit Singh, Prof. Madya Dr. Mohd.

Azree Idris, Prof Madya Dr Zainon Mat Sharif dan Prof Madya Dr Rohayu Che Omar.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif program, peserta diberikan latihan dan bimbingan oleh mentor-mentor berpengalaman, di samping menerima pendedahan bertaraf antarabangsa.

Pembentang akhir diadakan oleh innovator tersohor dunia, iaitu Sir Mir Saeed Zahedi selaku ketua juri, Steve Cleverly dan Nessa Carey.

Tempat pertama telah dimenangi penyelidik dari UTM dan tempat ketiga oleh penyelidik dari UPM.

Dr Rohayu telah membawa pulang sijil kemenangan dan sijil penghargaan atas kemenangan beliau di tempat kedua.

Dr Rohayu membentangkan projek beliau *Bio-Vege-Grout*, iaitu penyelidikan yang telah dimulakan oleh beliau bersama sekumpulan penyelidik Uniten sejak tahun 2009.

Produk tersebut telah berjaya memenangi beberapa pingat dan pengiktirafan berprestij pada peringkat tempatan dan antarabangsa sejak tahun 2010.

Beliau juga berjaya mendapat lebih daripada RM25 juta geran penyelidikan yang berimpak tinggi tempatan dan antarabangsa sejak tahun 2010.

Bio-Vege-Grout merupakan inovasi yang menggabungkan penyelidikan dalam bidang geologi persekitaran, kejuruteraan awam dan mikrobiologi.



PENYELIDIK Uniten yang menyertai *The Royal Academy of Engineering's Leaders in Innovation Fellowships* peringkat akhir sesi 2017/18 di London, United Kingdom baru-baru ini.